



TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

OPERASI PEMBENIHAN AWAN: LANGKAH SEGERA TANGANI KRISIS AIR DAN JEREBU AKIBAT CUACA PANAS MELAMPAU

Saya mengambil maklum dan amat prihatin terhadap keadaan semasa di Empangan Bukit Merah, Perak yang kini berada pada tahap amat kritikal berikutan **cuaca panas berpanjangan dan ketiadaan hujan yang ketara sejak bermulanya Monsun Barat Daya**. Pada 31 Julai 2025, **paras takungan air di empangan ini mencatatkan hanya 12.21% atau 19.80 kaki**.

Atas keprihatinan ini, saya telah terlibat secara langsung bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mengadakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) bermula hari ini sebagai usaha segera Kerajaan untuk meningkatkan taburan hujan di kawasan tadahan empangan ini.

Empangan Bukit Merah bukan sekadar sumber air domestik untuk ribuan penduduk, ia juga **menyokong pengairan sawah padi, perikanan, pelancongan serta fungsi mitigasi banjir**. Kegagalan menangani krisis ini segera boleh memberi kesan berantai terhadap bekalan makanan, pendapatan rakyat luar bandar serta kestabilan ekosistem setempat.

Lebih membimbangkan, keadaan cuaca panas dan pembakaran hutan juga menyebabkan peningkatan jerebu di beberapa kawasan. **Taburan hujan yang rendah telah menjejaskan keupayaan atmosfera untuk mengurangkan zarah terampai, menyebabkan bacaan IPU meningkat dan menjejaskan kesihatan**, khususnya dalam kalangan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit pernafasan.

Terdapat, lima lokasi di negara telah mencatatkan suhu terpanas selama tiga hari berturut-turut sehingga 3 Ogos 2025, antaranya Bandar Baharu (Kedah), Selama (Perak), Temerloh (Pahang), Limbang (Sarawak) dan Tenom serta Pitas (Sabah).

Oleh itu, saya percaya operasi hari ini adalah intervensi menyeluruh demi kesihatan awam, keselamatan makanan, kelangsungan ekonomi luar bandar dan kesejahteraan rakyat.

Operasi pada hari ini telah menggunakan **kaedah *pembenihan basah* dengan penyemburan larutan garam (natrium klorida) ke dalam awan kumulus menara pada ketinggian 5,000 hingga 8,000 kaki**. Proses ini dilaksanakan dengan teliti oleh pasukan MET Malaysia, dengan sokongan logistik pesawat TUDM.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi hari ini khususnya pasukan NADMA, MET Malaysia dan TUDM yang telah bekerja keras dalam memastikan operasi ini dapat dimulakan segera dan dilaksanakan dengan berkesan.

Kerajaan sentiasa komited untuk bertindak proaktif dan berasaskan sains dalam menghadapi cabaran iklim dan cuaca ekstrem. Operasi seumpama ini bukan hanya bersifat reaktif tetapi satu pelaburan untuk melindungi kehidupan rakyat dan memastikan daya tahan negara dalam menghadapi perubahan iklim yang semakin mencabar.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

4 OGOS 2025